

19 FEB 2001

Sukan-SEA (Larian)

LARIAN OBOR DITUKAR NAMA KEPADA LARIAN SUKAN SEA

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Larian membawa obor Sukan SEA ke-21 tidak lagi dikenali sebagai Larian Obor, sebaliknya ditukar kepada Larian Sukan SEA, untuk memberi lebih impak dan menonjolkan temasya Sukan SEA itu sendiri.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Datuk Mahamad Zabri Min hari ini berkata untuk memberi kesan lebih besar, obor itu akan diterbangkan ke Langkawi merentasi Laut China Selatan, selepas larian di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan pesawat Eksperimental Rakan Muda.

"Ia akan merupakan sejarah negara dalam penerbangan solo pesawat yang dibina oleh Rakan Muda di bawah Program Pembangunan Rekreasi Udara anjuran kementerian," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat penyelarasan larian itu di sini.

Katanya perkataan Larian Obor diganti kepada Larian Sukan SEA kerana Larian Obor tidak menyatakan secara jelas ia adalah untuk Sukan SEA.

Beliau berkata presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'far akan menerima obor Sukan SEA daripada tuan rumah Sukan SEA lepas, Brunei, yang akan diserahkan oleh presiden Majlis Olimpik Brunei Pengiran Bendahara Sufri Bolkiah, pada 10 Mac di Brunei.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan turut hadir pada majlis penerimaan obor itu.

"Obor itu akan dibawa menaiki kapal Tentera Laut Diraja Malaysia dari Brunei ke Labuan, tempat bermulanya Larian Sukan SEA itu untuk obor berkenaan dibawa ke setiap negeri," katanya.

Menurutnya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka memulakan larian di Labuan dan sesudah itu larian akan diteruskan di Sabah dan Sarawak sebelum obor itu diterbangkan ke Langkawi.

Pesawat yang membawa obor itu akan berlepas dari Kuching dan singgah sebentar di Pulau Tioman sebelum meneruskan penerbangan ke Langkawi, katanya.

Pesawat jenis Zodiac CH601HD yang mempunyai nombor daftar 9M-ERM itu dirasmikan penerbangannya pada 27 Sept 1997 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia telah melakukan 920 jam penerbangan.

Ia merupakan pesawat pertama yang dipasang sepenuhnya oleh generasi muda yang tidak berpengalaman dalam bidang penerbangan dan yang pertama mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Sukan Olimpik Sydney 2000 diingati dengan obornya dibawa di dalam air di Great Barrier Reef, dan Sukan SEA ke-21 pula boleh diingati dengan penerbangan obor oleh Rakan Muda Malaysia menggunakan pesawat eksperimental buatan sendiri merentasi Laut Cina Selatan, katanya.

Beliau berkata Larian Sukan SEA bagi Semenanjung Malaysia akan bermula di Langkawi dan obor akan dibawa ke setiap negeri. Ia akan tiba di Dataran Merdeka pada 7 Sept dan dibawa ke Stadium Nasional untuk upacara perasmian pada 8 Sept.

Sukan SEA ke-21 berlangsung dari 8 hingga 17 Sept.

-- BERNAMA

AZ AZZ ZB